

26 FEB 2002

Khalil-Memali

TIADA YANG LUAR BIASA DALAM TAYANGAN KLIP VIDEO MEMALI, KATA KHALIL

KOTA KINABALU, 26 Feb (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata langkah RTM menayangkan semula klip video peristiwa Memali adalah bagi membolehkan anggota masyarakat mengetahui mengenai kejadian itu dan mendapat iktibar daripadanya.

Tiada apa-apa yang luar biasa berhubung penayangan klip video itu kerana sudah menjadi kebiasaan stesen televisyen termasuk di luar negara menayangkan semula klip mengenai peristiwa masa lepas, katanya.

"Ini tidak lari daripada corak pemberitaan. Ini juga dibuat oleh saluran berita yang lain...misalnya (ada yang) menayangkan semula peristiwa Perang Dunia Kedua. Kenapa? Ini kerana bagi penonton, mereka diingatkan mengenai kejadian yang mereka tidak perlu ulangi lagi," katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu di sini sebelum berlepas ke ibu negara.

Khalil berkata tayangan klip video peristiwa Memali itu akan diteruskan agar ia menjadi iktibar kepada orang ramai mengenai apa sebenarnya yang berlaku.

"Kitapun tinjau pendapat orang awam. Kalau kita tidak mendapat maklumat balas yang baik tentu kita tidak teruskan penayangannya," katanya.

Ketika ditanya mengenai tanggapan kononnya penayangan klip video itu akan merugikan kerajaan kerana ia boleh menimbulkan kemarahan di kalangan rakyat, Khalil berkata tiada tanda-tanda yang menunjukkan adanya kemarahan berhubung klip video itu.

"Generasi muda yang menonton tayangan ini mendapat latar belakang peristiwa yang membolehkan mereka lebih faham apa sebenarnya yang berlaku," katanya.

Mengenai dakwaan bahawa penayangan klip video itu menjejaskan proses mahkamah berkaitan kes itu, beliau berkata: "Kita tidak ambil sudut yang itu, kita cuma ambil yang ada kaitan dengan isu sekarang seperti keganasan dan banyak lagi. Ini tidak semestinya ada kaitan dengan hal-hal perundangan," katanya.

Khalil turut menggesa pelajar institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara agar mengambil perhatian terhadap teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya mereka meninggalkan universiti jika mahu berpolitik.

Katanya teguran itu adalah bagi mengingatkan pelajar terbabit supaya menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

"Kita tidak mahu mereka kandas dalam pelajaran sedangkan negara memerlukan lebih banyak tenaga profesional," katanya.

Khalil berkata pelajar sendiri yang akan rugi jika prestasi akademik mereka tidak memuaskan kerana terganggu oleh kegiatan berpolitik.

Semalam, Dr Mahathir dalam satu sesi pertemuan dengan 600 pelajar Malaysia di London, berkata pelajar mempunyai pilihan sama ada untuk meninggalkan universiti dan menyertai politik secara sepenuh masa atau terus berada di universiti dan menumpukan perhatian kepada pelajaran.

-- BERNAMA

JS MAI